

**Umno Selangor Salur Bantuan Pasca Banjir Ke Pahang Dan Perak  
Bernama  
Jan 7, 2015**

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- Umno Selangor menggerakkan kira-kira 2,000 anggotanya ke Pahang dan Perak bagi membantu kerja-kerja pembersihan pasca banjir di dua negeri berkenaan.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor Datuk Seri Noh Omar berkata 500 anggota Umno daripada 22 bahagian Umno di negeri itu bertolak ke Temerloh, Pahang hari ini, dan program itu akan dilaksanakan secara berperingkat sehingga Ahad.

Noh, yang juga anggota Parlimen Tanjong Karang, berkata mereka akan memberi tumpuan kepada kerja-kerja pembersihan kemudahan awam seperti sekolah, masjid dan surau, selain rumah mangsa banjir.

"Ini merupakan fasa kedua, fasa pertama sebelum ini adalah bantuan makanan, yang telah kami salurkan sebanyak 300 tan.

"Fasa kedua ini kami membuat keputusan untuk membekalkan bantuan dari segi tenaga kerja dan alat-alat pembersihan seperti 'waterjet' yang kami akan salurkan kepada empat buah kampung di dua negeri ini yang telah kami pilih, secara berperingkat," katanya.

Beliau ditemui pemberita sebelum melepaskan konvoi 30 kenderaan pacuan empat roda dan empat buah bas ke Temerloh, Pahang, di sini hari ini.

Selain dua negeri berkenaan, Noh berkata ada juga beberapa bahagian Umno Selangor yang akan menyalurkan bantuan ke kawasan-kawasan angkat masing-masing di negeri Kelantan.

Sementara itu, seorang daripada anggota Umno yang terlibat, Maimunah Hussin, 68, berkata faktor usia tidak menghalang beliau daripada menawarkan bantuan walaupun pada kali ini bantuan lebih bersifat fizikal.

"Kasihlah, mangsa banjir ini. Ada yang tinggal sehelai sepinggang, kalau kita tidak membantu siapa lagi nak membantu," kata anggota jawatankuasa Wanita Umno bahagian Klang itu kepada Bernama.

Rakannya, Mastura Abd Gani, 55 turut meluahkan rasa simpati dan tidak menolak akan terus mengikuti misi bantuan itu ke negeri-negeri lain sekiranya khidmatnya diperlukan.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1098592>